




GARIS PANDUAN PENEMAN IBU BERSALIN DI DEWAN BERSALIN HOSPITAL KULIM

PRASYARAT DAN PERATURAN:

1. Hanya **seorang individu sahaja** yang diberikan keistimewaan untuk menemani ibu bersalin pada satu-satu masa. Peneman mestilah **suami kepada pesakit atau wanita yang berumur 21 tahun** ke atas sahaja.
2. Hanya **kelahiran biasa (SVD) di Dewan Bersalin sahaja** yang dibenarkan untuk diteman.
3. Peneman perlu mengisi Borang saringan COVID-19 dan sekiranya mempunyai gejala seperti batuk, selsema, demam dan sebagainya, peneman perlu melakukan ujian saringan air liur / saliva test **sejurus sebelum** menemani ibu bersalin. Pihak hospital tidak menyediakan kit ujian sendiri air liur COVID – 19 / saliva test untuk peneman.
4. **Pihak Hospital Kulim tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos ujian** Ujian Kendiri Air Liur (Saliva Test) COVID-19, dan pihak hospital tidak bertanggungjawab sekiranya peneman tidak dapat meneman pesakit atas apa-apa sebab sekalipun.
5. Peneman perlu sentiasa memakai **pelitup muka (face mask)**, sepanjang berada di Dewan Bersalin untuk menemani ibu bersalin.
6. Dengan mengambilkira keadaan ruang Dewan Bersalin, **hanya 3 bilik bersalin** (Bilik no. 2, 3 dan 4) yang sesuai digunakan untuk Polisi ini. **Peneman hanya dibenarkan sekiranya terdapat kekosongan pada bilik-bilik tersebut.**
7. Peneman hanya dibenarkan masuk ke Dewan Bersalin semasa **bukaan pangkal rahim (OS) 8cm dan ke atas** (bergantung kepada keadaan semasa dalam Dewan Bersalin).
8. Semasa menemani ibu bersalin, **peneman tidak dibenarkan** :
 - a. **berjalan dengan bebas** di sekitar Dewan Bersalin bagi memelihara kehormatan pesakit yang lain.
 - b. **mengguna telefon bimbit, kamera atau video kamera**
 - c. membawa **makanan, minuman atau merokok**
 - d. menyentuh **fasiliti dan peralatan perubatan dalam bilik.**
 - e. **menukar peneman** sepanjang proses kelahiran.
 - f. **Kembali ke Dewan Bersalin semula** setelah keluar sepenuhnya.





GARIS PANDUAN PENEMAN IBU BERSALIN DI DEWAN BERSALIN HOSPITAL KULIM

PRASYARAT DAN PERATURAN:

9. Keistimewaan dan kebenaran untuk meneman pesakit akan terbatal sekiranya:

- Berlaku **sebarang kecemasan kepada ibu bersalin atau bayi**, peneman akan diminta meninggalkan Dewan Bersalin dan memberi kerjasama serta mengikut arahan paramedik yang bertugas bagi memudahkan tugas-tugas rawatan demi keselamatan pesakit.
- **Peneman tidak memberikan kerjasama yang sewajarnya** kepada petugas kesihatan. Dalam keadaan ini, Doktor dan Jururawat yang bertugas berhak menarik balik keistimewaan dan kebenaran tersebut.
- Pakar yang bertugas di Dewan Bersalin berhak menghentikan kebenaran meneman pesakit sekiranya keadaan **Dewan Bersalin terlalu sibuk dan padat dengan pesakit**. Keputusan ini dibuat dengan mengambilkira aspek keselamatan pesakit dalam pemberian perkhidmatan kesihatan yang terbaik.
- **Pihak Pengurusan Hospital berhak membatalkan keistimewaan dan kebenaran** ini sekiranya tidak sesuai dan selamat untuk dilaksanakan (bergantung kepada keadaan yang tertentu seperti situasi bencana, jangkitan silang wabak dan sebagainya) .

10. Di Dewan Bersalin ini, terdapat pelatih perubatan, kejururawatan dan paramedic yang menjalani **latihan amali**. Mereka dibenarkan menyaksi, menolong dan menyambut kelahiran di bawah penyeliaan anggota yang bertauliah sekiranya mendapat persetujuan pesakit.

11. Kemudahan peneman ini **bukan hak mutlak pesakit atau peneman, tetapi adalah kebenaran yang diberikan atas budi bicara pihak hospital.**

